1.7 (a) Kami berhak untuk meminda, mengubah suai, menukar, memadam, menambah atau mengubah Terma ini dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara mutlak dan tunggal kami. Pindaan dan perubahan ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada perubahan dalam fi dan caj, ciri-ciri produk dan tawaran perkhidmatan. Tertakluk kepada Klausa 1.7(c) di bawah, kami akan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar untuk sebarang pindaan, pengubahsuaian, perubahan, pemadaman, penambahan atau perubahan tersebut sebelum pindaan, pengubahsuaian, perubahan, pemadaman, penambahan atau perubahan tersebut berkuat kuasa.

(b) Semua notis oleh Boost berkaitan dengan sebarang pindaan, pengubahsuaian, perubahan, pemadaman, penambahan atau perubahan Terma ini boleh diberikan dengan memaparkannya pada skrin apabila mengakses Platform kami dan/atau laman web Boost, melalui e-mel, *Facebook messenger* atau apa-apa cara lain yang kami anggap sesuai.

(c) Sekiranya kami berpendapat bahawa pindaan, pengubahsuaian, perubahan, pemadaman, penambahan atau perubahan segera adalah perlu untuk melindungi keselamatan Akaun anda dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam atau mana-mana perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh kami di Platform kami, anda mengakui dan bersetuju bahawa Aplikasi Boost mungkin dikemas kini secara automatik atas budi bicara mutlak kami tanpa notis atau dalam tempoh notis yang lebih singkat sebagaimana yang kami (atas budi bicara kami) tetapkan kepada anda.

(d) Dengan membuka atau menggunakan Akaun anda, mengakses Platform, atau menggunakan mana-mana Perkhidmatan kami (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam), anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma ini dan mana-mana terma dan syarat lain yang terpakai berkaitan dengan Perkhidmatan, Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam dan/atau Platform. Kami mungkin meminda Terma ini dari semasa ke semasa. Jika perlu, kami akan memaklumkan anda tentang sebarang perubahan melalui saluran yang dinyatakan dalam Klausa 1.7(b). Jika anda terus menggunakan Akaun anda, Platform atau mana-mana Perkhidmatan selepas perubahan berkuat kuasa, anda akan dianggap telah menerima Terma yang

dikemas kini. Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam notis, perubahan akan berkuat kuasa 21 hari kalendar selepas tarikh notis tersebut.

(e) Walau apa pun perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas, anda bersetuju dan mengakui bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan diri anda sentiasa dikemas kini, dari semasa ke semasa, mengenai sebarang pindaan, pengubahsuaian, perubahan, pemadaman, penambahan atau variasi tersebut.

1.8 Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, Terma ini tidak mengatasi atau menggantikan mana-mana persetujuan lain yang mungkin telah anda berikan sebelum ini atau secara berasingan kepada kami berkenaan dengan akses atau penggunaan Platform dan/atau Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) oleh anda dan persetujuan anda terhadap Terma ini adalah sebagai tambahan kepada mana-mana hak lain yang mungkin kami miliki berkenaan dengan akses atau penggunaan Platform dan/atau Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) oleh anda.

1.9 Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata, Takrifan dalam T&S Umum kami adalah terpakai dalam Terma ini.

2. PERANAN KAMI

2.1 Kami tidak memberikan sebarang nasihat atau cadangan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nasihat pelaburan, perundangan, percukaian atau nasihat lain) berkenaan dengan mana-mana aspek transaksi yang dijalankan melalui Platform, selain daripada nasihat mengenai penggunaan teknikal Platform. Tiada apa-apa di Platform atau mana-mana komunikasi yang dihantar kepada anda akan membentuk atau bertujuan untuk membentuk sebarang nasihat atau cadangan.

2.2 Anda bersetuju, memahami dan mengakui bahawa:

(a) anda dikehendaki untuk terus mematuhi mana-mana terma dan syarat lain Boost Bank berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Boost Bank kepada anda;

(b) kami hanya mengatur dan memudahkan penyediaan produk dan/atau perkhidmatan oleh Boost Bank, kepada anda melalui Platform;

(c) semua maklumat berkaitan yang berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam kami akan disediakan melalui Platform;

(d) anda secara nyata dan tidak boleh batal bersetuju untuk kami berkongsi Maklumat Peribadi anda (seperti yang ditakrifkan dalam Notis Privasi kami) dengan Boost Bank dan mana-mana orang yang berkaitan bagi tujuan dan yang bersampingan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam; dan

(e) anda telah dan dikehendaki untuk membaca dan memahami Perjanjian-perjanjian tersebut.

3. HAK KAMI

3.1 Sebagai tambahan kepada hak kami yang ditetapkan dalam Klausa 5 T&S Umum kami, kami berhak untuk:

(a) memantau semua akses dan penggunaan Platform oleh anda untuk mengesan sebarang aktiviti tidak wajar yang berkaitan dengannya. Anda hendaklah mematuhi tepat pada masanya permintaan kami untuk maklumat, dokumen dan bahan lain yang diminta oleh kami;

(b) menyekat, secara sementara atau kekal, penyediaan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam di Platform pada bila-bila masa dan berkuat kuasa serta-merta, tanpa menanggung sebarang jenis liabiliti kepada anda, jika mana-mana peristiwa berikut berlaku:

(i) anda telah melanggar terma-terma Terma ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada anda terlibat dalam mana-mana aktiviti yang disekat seperti yang ditetapkan dalam Klausa 4 di bawah (Tugas dan Tanggungjawab Anda) dan/atau terma dalam mana-mana Perjanjian lain;

(ii) anda menggunakan Platform dengan cara yang mungkin menyebabkan kami melanggar undang-undang yang terpakai, mempunyai liabiliti undang-undang atau mengganggu penggunaan Platform oleh orang lain, atau untuk sebarang aktiviti haram atau di mana kami mempunyai syak wasangka yang munasabah bahawa anda mungkin berbuat demikian;

(iii) kami menyedari atau mengesyaki bahawa kata laluan atau PIN anda dicuri, hilang, rosak atau terjejas, atau orang yang log masuk menggunakan kata laluan atau PIN anda bukanlah anda;

(iv) kami dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang yang terpakai, atau berikutan permintaan oleh mana-mana badan kerajaan atau pengawal selia;

(v) masa henti yang dijadualkan (*scheduled downtime*) atau masa henti berulang (*recurring downtime*);

(vi) Peristiwa "Keadaan Memaksa" (*Force Majeure*) (seperti yang ditakrifkan di bawah) berlaku;

(vii) anda menerbitkan, menyiarkan, memindahkan, mengedarkan atau memuat naik sebarang kandungan atau maklumat ke Platform yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat, mengandungi bahasa yang kasar dan tidak sesuai atau yang mewujudkan gambaran bahawa sebarang kandungan ditaja atau disokong oleh kami.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANDA

4.1 Anda bersetuju untuk memberikan sebarang maklumat atau dokumen yang diminta oleh kami dari semasa ke semasa berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam, termasuk, sama ada wajar atau dikehendaki untuk mematuhi mana-mana undang-undang yang terpakai atau menurut sebarang perintah, arahan, atau permintaan oleh mana-mana mahkamah, kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia yang terpakai. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keperluan pencegahan pengubahan wang haram yang terpakai, atau mana-mana pendedahan cukai atau kewajipan pelaporan yang terpakai.

4.2 Anda mewakili dan memberi jaminan bahawa semua maklumat atau dokumen

(termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan, perisytiharan, kata laluan atau PIN) yang anda berikan kepada kami di bawah Klausa 4 ini adalah tepat, benar dan lengkap, dan tidak mengelirukan dalam apa-apa butiran material.

4.3 Akses dan penggunaan Platform oleh anda hendaklah terhad sepenuhnya kepada diri anda sendiri. Anda bersetuju bahawa:

(a) kami boleh menentukan kaedah pengesahan yang sesuai, yang mungkin melibatkan gabungan satu atau lebih kawalan akses;

(b) anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan kawalan dalaman yang selamat dan, setakat yang paling luas yang mungkin, kawalan luaran ke atas akses kepada dan penggunaan Platform, termasuk tetapi tidak terhad kepada keselamatan dan kerahsiaan maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami. Kami berhak untuk menamatkan atau menggantung akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam di bawah Platform dan/atau Platform jika kami dimaklumkan atau mengesyaki bahawa maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami telah dicuri, hilang, rosak, terjejas atau terdapat penggunaan yang tidak dibenarkan ke atasnya, dengan syarat sentiasa bahawa anda akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan yang diambil melalui penggunaan maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami sebelum ia ditamatkan atau digantung sedemikian; dan

(c) anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas, dan terikat dengan, semua tindakan atau peninggalan mana-mana orang yang menggunakan Platform melalui maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami. Kami tidak mempunyai kewajipan untuk menyiasat mengenai identiti, kuasa atau kapasiti mana-mana orang tersebut dan berhak untuk bergantung pada sebarang arahan yang dikemukakan oleh mana-mana orang yang mengakses atau menggunakan Platform melalui maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami atau melalui kaedah alternatif, walaupun dibuat secara penipuan dan walaupun ia bercanggah dengan terma sebarang arahan lain yang diberikan oleh anda.

4.4 Anda hendaklah mengakses dan menggunakan Platform dengan mematuhi semua undang-undang yang terpakai. Tanpa mengehadkan keluasan perkara di atas, penggunaan Platform oleh anda hendaklah tertakluk kepada sekatan tambahan, terma dan syarat penggunaan, pendedahan atau penafian yang mungkin dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa (sama ada melalui cara bertulis atau elektronik) berkaitan dengan penggunaan tersebut.

4.5 Anda mesti memberitahu kami dengan segera jika anda menyedari atau mempunyai syak wasangka yang munasabah bahawa terdapat sebarang pelanggaran keselamatan, kehilangan, kecurian atau penggunaan yang tidak dibenarkan ke atas maklumat dan dokumen anda yang telah anda berikan kepada kami.

4.6 Anda tidak boleh memasukkan ke dalam Platform sebarang kandungan, bahan atau kod yang mengandungi sebarang virus, *Trojan horse*, cecacing (*worm*), bom jangka (*time bomb*), *cancelbot* atau rutin pengaturcaraan komputer lain yang bertujuan untuk merosakkan, mengganggu secara memudaratkan, memintas secara rahsia atau merampas sebarang sistem, data atau data peribadi. Anda berjanji untuk tidak menggodam, mengganggu, melumpuhkan, membebankan atau sebaliknya mengganggu kebolehcapaian atau menjejaskan fungsi Platform yang sepatutnya, perkhidmatan yang mungkin kami sediakan kepada anda menurut sebarang

perjanjian atau sistem kami, yang hendaklah termasuk, tanpa had, serangan *spoof*, penggodaman, *sniffing*, pengubahan, serangan penafian perkhidmatan (*denial-of-service attacks*), kejuruteraan berbalik (*reverse engineering*) atau pengaturcaraan semula.

4.7 Sebarang data, maklumat atau mesej yang dihantar kepada anda melalui sistem kami, Platform atau sebaliknya adalah sulit dan bertujuan untuk kegunaan tunggal penerima yang dimaksudkan. Jika anda bukan penerima yang dimaksudkan, anda harus segera memberitahu kami dan memadam atau memusnahkan data, maklumat atau mesej tersebut, termasuk semua salinannya.

4.8 Anda mesti merahsiakan, semua maklumat tentang Platform, sistem kami dan sebarang maklumat, data, bahan atau dokumen yang diberikan kepada anda.

4.9 Adalah menjadi tanggungjawab mutlak anda untuk memastikan Aplikasi Boost anda sentiasa dikemas kini dengan memasang versi terkini yang tersedia melalui *Google Play Store*, *Apple App Store* atau mana-mana platform pengedaran aplikasi rasmi lain yang diluluskan oleh Boost. Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) dan khususnya, Caj yang Terpakai (seperti yang ditakrifkan di bawah) mungkin dikemas kini secara berkala dan anda harus menyemak Aplikasi Boost dan Perkhidmatan dengan kerap untuk memastikan bahawa anda mempunyai maklumat terkini. Anda juga harus memastikan bahawa anda memuat turun versi terkini Aplikasi Boost dan Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam).

4.10 Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa tanggungjawab anda yang ditetapkan dalam Klausa 4 ini adalah sebagai tambahan kepada tanggungjawab anda yang ditetapkan dalam Klausa 4 T&S Umum kami.

5. PENGAKUAN RISIKO

5.1 Maklumat tambahan mengenai risiko utama yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk.

5.2 Anda sedar sepenuhnya tentang risiko yang berkaitan dengan transaksi yang dimeterai melalui Platform kami dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam. Khususnya, anda memahami, bersetuju dan mengakui bahawa:

(a) kami hanya mengatur atau memudahkan penyediaan produk dan/atau perkhidmatan oleh Boost Bank, kepada anda melalui Platform. Kami tidak mewakili dan menjamin ketepatan, kebenaran, kebolehpercayaan, kelengkapan, kesesuaian produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Boost Bank;

(b) terdapat risiko yang terlibat apabila menjalankan transaksi dalam talian;

(c) terdapat risiko keselamatan, rasuah, ralat penghantaran dan ketersediaan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Platform (termasuk risiko yang berkaitan dengan kegagalan perkakasan dan perisian) dan anda dengan ini bersetuju untuk menanggung risiko tersebut. Sebagai langkah berjaga-jaga, anda harus sentiasa memastikan bahawa Peranti Mudah Alih yang digunakan adalah selamat dan dilindungi daripada akses yang tidak dibenarkan dan/atau virus yang mungkin mendedahkan maklumat sulit kepada pihak ketiga. Anda juga harus berwaspada terhadap penipuan e-mel dan lampiran yang mungkin cuba mendapatkan maklumat peribadi melalui cara haram;

(d) sebarang komunikasi melalui Platform/laman web bukan melalui pautan peribadi atau selamat atau dalam bentuk yang disulitkan dan oleh itu tertakluk kepada bahaya biasa komunikasi Internet. Kami tidak dapat menjamin bahawa komunikasi ini tidak tertakluk kepada pemintasan atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan;

6. ARAHAN

6.1 Anda bersetuju dengan perkara berikut:

(a) melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kami, semua arahan hendaklah dihantar oleh anda kepada kami Dalam Aplikasi (*In App*) melalui Platform;

(b) anda memberi kuasa kepada Boost untuk bergantung dan menganggap sebarang komunikasi atau arahan yang datang daripada anda sebagai arahan yang dibenarkan dengan sewajarnya oleh anda;

(c) sesuatu arahan hanya akan diterima oleh Boost jika anda telah melepasi kriteria keselamatan tertentu seperti yang ditentukan oleh Boost dari semasa ke semasa;

(d) bahawa kami boleh bertindak atas sebarang arahan kerajaan atau kawal selia yang diberikan kepada kami walaupun arahan ini tidak dibenarkan oleh anda;

(e) bahawa Boost akan melakukan usaha yang munasabah untuk memproses sebarang arahan di mana anda meminta Boost untuk berbuat demikian, tetapi Boost tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kerugian atau tuntutan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh anda disebabkan oleh sebarang kegagalan untuk mematuhi permintaan tersebut melainkan ia disebabkan oleh kegagalan Boost untuk melakukan usaha yang munasabah untuk berbuat demikian atau sebarang kelewatan di pihak anda;

(f) anda mesti memastikan bahawa mana-mana dan semua arahan adalah tepat dan lengkap, dan Boost tidak bertanggungjawab jika ini tidak berlaku;

(g) sesuatu transaksi yang dijalankan tidak semestinya serentak dengan arahan yang diberikan. Sesetengah perkara mungkin mengambil masa untuk diproses dan arahan tertentu mungkin hanya diproses semasa waktu bekerja biasa, walaupun Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam mungkin boleh diakses di luar waktu tersebut;

(h) anda akan bertanggungjawab ke atas semua kerugian dan pembayaran (termasuk jumlah sebarang transaksi yang dijalankan tanpa kebenaran anda) jika anda telah bertindak dengan kecuaian melampau sehingga memudahkan transaksi yang tidak dibenarkan itu, atau anda telah bertindak secara penipuan. Bagi tujuan Klausa ini, kecuaian melampau hendaklah dianggap termasuk kegagalan untuk mematuhi mana-mana tugas keselamatan anda yang dirujuk dalam Terma ini;

(i) jika Boost secara munasabah percaya bahawa sebarang transaksi adalah berunsur penipuan, menyalahi undang-undang, tidak dibenarkan, dijalankan dengan melanggar Terma ini, atau telah menyebabkan Boost mengalami sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan, Boost berhak untuk mendapatkan semula jumlah yang berkaitan daripada anda. Untuk tujuan ini, Boost boleh memotong atau menarik balik jumlah yang berkaitan daripada sebarang baki yang tersedia dalam Dompet Boost anda dan, jika baki tersebut tidak mencukupi, meneruskan apa-apa hak atau remedi lain yang tersedia untuknya di bawah Terma

ini atau di sisi undang-undang untuk mendapatkan semula jumlah yang terhutang daripada anda.

7. CAJ

7.1 Boost berhak untuk mengenakan sebarang fi dan/atau caj perkhidmatan kerana menyediakan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam kepada anda seperti yang diterangkan dalam Helaian Pendedahan Produk ("Caj yang Terpakai") dan memasukkan di dalamnya sebarang liabiliti, kos dan perbelanjaan yang mungkin kami tanggung di bawah Terma ini, seperti yang dimaklumkan oleh Boost.
Caj yang Terpakai tidak boleh dikembalikan melainkan Boost menentukan sehingga ia berpuas hati bahawa ia telah dipotong secara salah oleh Boost daripada Akaun anda untuk pembayaran disebabkan oleh:

(a) ralat teknikal Boost di mana percubaan transaksi anda tidak berjaya; dan/atau
(b) perkhidmatan yang dibeli dalam Aplikasi Boost tidak disediakan.

Caj yang Terpakai adalah tertakluk kepada semakan oleh Boost dari semasa ke semasa seperti yang dimaklumkan oleh Boost melalui e-mel atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh Boost (termasuk memuat naik notis tersebut atau semakan tersebut ke Platform).
Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda bersetuju dengan Caj yang Terpakai yang disebutkan di atas (termasuk sebarang semakan kepadanya).

7.2 Mungkin terdapat caj dan/atau fi yang dikenakan oleh Boost Bank berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Boost Bank kepada anda, yang jumlahnya boleh dirujuk di https://myboostbank.co/, yang mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa oleh Boost Bank dengan notis terlebih dahulu kepada anda.

7.3 Jika sebarang bekalan yang dibuat di bawah Terma ini adalah bekalan bercukai yang mana cukai yang terpakai (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia akan terpakai ("Cukai yang Terpakai"), maka Boost berhak untuk mengenakan Cukai yang Terpakai pada kadar yang ditetapkan dan anda bersetuju untuk membayar jumlah Cukai yang Terpakai tersebut.

7.4 Dalam mengakses dan menggunakan Platform dan/atau Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam, anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan bertanggungan ke atas semua caj dan bayaran yang terhutang kepada penyedia perkhidmatan komunikasi anda untuk mengakses Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telefon dan caj internet/data.

7.5 Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang fi yang dinaikkan oleh pihak ketiga termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pengeluar kad atau bank, untuk penggunaan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam, jika ada. Kami berhak untuk menolak penerimaan instrumen pembayaran, seperti kad kredit, kad debit atau akaun bank, sebagai kaedah pembiayaan atas budi bicara mutlak kami.

8. PENYELENGGARAAN REKOD DAN MAKLUMAT SULIT

8.1 Pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemprosesan Maklumat Peribadi di bawah Terma ini hendaklah dikawal selia oleh Notis Privasi kami, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

8.2 Anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa kami mempunyai hak untuk menyimpan semua maklumat anda dan semua perkara yang berkaitan dengan anda, sebarang transaksi dalam Akaun dan/atau sebarang Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) yang disediakan kepada anda dalam rekod kami (termasuk rekod yang disimpan dalam komputer dan mikrofilem atau sebarang rekod elektronik lain yang disimpan oleh kami), dan rekod kami adalah bukti muktamad mengenai perkara tersebut dan mengikat anda untuk semua tujuan, kecuali untuk kesilapan nyata atau perkeranian atau penipuan, tertakluk kepada hak kami untuk membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan di dalamnya dan hak kami untuk mengemukakan bukti lain. Anda dengan ini bersetuju untuk tidak pada bila-bila masa mempertikaikan kesahihan atau ketepatan sebarang output komputer yang bergantung kepada kami untuk apa-apa tujuan sekalipun.

8.3 Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami berhak untuk memusnahkan atau melupuskan semua daftar, penyata dan rekod serta dokumen lain yang berkaitan dengan Akaun, Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) atau transaksi pada bila-bila masa selepas tamat sebarang tempoh pengekalan yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai atau selepas anda menamatkan Akaun anda, yang mana lebih lewat. Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk pemusnahan atau pelupusan tersebut.

8.4 Kecuali seperti yang dibenarkan di bawah Terma ini atau sebarang perjanjian lain dengan anda, kami hendaklah menganggap semua maklumat yang berkaitan dengan anda dan Akaun anda sebagai sulit.

8.5 Anda selanjutnya mengakui bahawa maklumat berikut tidak akan dianggap sebagai maklumat sulit dan kami tidak berhutang kepada anda atau mana-mana orang lain sebarang kewajipan untuk merahsiakan maklumat tersebut:

(a) maklumat yang pada tarikh pendedahannya adalah atau menjadi sebahagian daripada domain awam (selain daripada melalui pelanggaran Terma ini atau terma dalam mana-mana Perjanjian lain);
(b) maklumat yang sudah berada dalam simpanan kami sebelum anda memberikan maklumat tersebut kepada kami;
(c) maklumat yang kami terima daripada pihak ketiga yang telah memperoleh maklumat tersebut secara sah dan tidak berada di bawah kewajipan kerahsiaan mengenai pendedahannya kepada kami;
(d) sebarang maklumat yang dianonimkan atau disulitkan sedemikian rupa di mana identiti mana-mana orang tidak dapat disimpulkan dengan mudah, atau yang tidak boleh dirujuk kepada mana-mana orang tertentu;
(e) maklumat yang dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia lain untuk didedahkan; dan
(f) maklumat yang diluluskan untuk siaran awam oleh anda.

8.6 Anda memberi kami kebenaran untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan anda, Akaun anda dan transaksi seperti berikut:
(a) kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja, wakil, ejen atau perwakilan kami yang diberi kuasa;
(b) kepada mana-mana ahli gabungan, pemegang saham atau perbadanan berkaitan kami dan mana-mana pengganti, pemegang serah hak atau subkontraktor mereka, dan pengarah, pegawai, pekerja, wakil, ejen atau perwakilan mereka;
(c) kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah bagi tujuan menyediakan Perkhidmatan kami kepada anda termasuk Boost Bank;
(d) di mana dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kepada Boost Bank;

(e) kepada penasihat profesional, perunding dan juruaudit kami;
(f) kepada sesiapa sahaja yang mengambil alih atau mungkin mengambil alih semua atau sebahagian daripada hak atau kewajipan kami di bawah Terma ini atau sesiapa sahaja yang kepadanya Terma ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) dipindahkan atau mungkin dipindahkan;
(g) kepada mana-mana orang yang kami percaya dengan niat baik sebagai penasihat undang-undang anda atau profesional lain;
(h) kepada mana-mana mahkamah, badan kerajaan, berkanun, kawal selia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten di mana-mana bidang kuasa, setakat mana kami perlu berbuat demikian untuk mematuhi undang-undang yang terpakai, atau yang kami dengan niat baik percaya bahawa kami patut mematuhinya;
(i) menurut permintaan oleh mana-mana mahkamah, badan kerajaan, berkanun, kawal selia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten untuk memerintahkan pendedahan tersebut (tanpa mengira sebab permintaan tersebut dan sama ada permintaan tersebut dilaksanakan di bawah perintah mahkamah atau sebaliknya); dan
(j) kepada orang lain atau di bawah keadaan lain yang anda persetujui,
dengan syarat bahawa dalam kes pendedahan di bawah mana-mana keadaan dalam (a) hingga (c), kami hendaklah, jika munasabah, memastikan bahawa penerima tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan yang sama.

9. PENAFIAN

9.1 Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam disediakan atas dasar "seadanya" dan "sebagaimana tersedia".

9.2 Kecuali seperti yang dinyatakan secara nyata dalam Terma ini, semua representasi, syarat dan jaminan (sama ada nyata atau tersirat, berkanun atau sebaliknya) termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan mengenai kefungsian, kebolehkendalian, kebolehcapaian, ketepatan, kebolehpercayaan, kemas kini, ketepatan masa, kualiti yang memuaskan, ketersediaan, dan penggunaan Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam tanpa gangguan; urutan, ketepatan, kelengkapan, ketepatan masa atau keselamatan sebarang data atau maklumat yang diberikan kepada anda sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam; sebarang jaminan tersirat kebolehdagangan; sebarang jaminan tersirat kesesuaian untuk tujuan tertentu sebarang jaminan tersirat ketiadaan pelanggaran; dan sebarang jaminan tersirat yang timbul daripada urusan, adat atau penggunaan perdagangan berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam yang disediakan oleh Boost adalah secara nyata dinafikan dan dikecualikan. Representasi, syarat dan jaminan yang dinyatakan dalam Terma ini berkenaan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanamdan Platform adalah satu-satunya representasi, syarat dan jaminan yang dibuat oleh Boost dan tidak akan diperluaskan tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Boost.

9.3 Tanpa mengehadkan perkara di atas, kami tidak menjamin bahawa perkhidmatan kami (termasuk Perkhidmatan dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam), fungsi yang terkandung dalam atau akses kepada Platform, atau kandungan lain akan tepat pada masanya, tidak terganggu atau bebas ralat tanpa peninggalan, bahawa kecacatan akan diperbetulkan, atau bahawa platform atau kandungannya bebas daripada jangkitan oleh virus komputer dan/atau kod, program, makro yang berbahaya atau merosakkan dan perisian lain yang tidak dibenarkan, atau bahawa muat turun, pemasangan atau penggunaan mana-mana sistem atau kandungan Platform dalam atau dengan mana-mana komputer tidak akan menjejaskan fungsi

atau prestasi komputer tersebut. Kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungan ke atas pemadaman atau kegagalan untuk menyimpan sebarang kandungan yang diselenggara atau disiarkan oleh atau melalui Platform.

10. KONFLIK KEPENTINGAN

10.1 Boost mungkin menerima fi, komisen atau imbuhan lain daripada Boost Bank berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam. Dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam, anda mengakui dan bersetuju dengan pengaturan tersebut. Melainkan dikehendaki oleh undang-undang, Boost tidak bertanggungjawab untuk mendedahkan jumlah imbuhan tersebut kepada anda.

10.2 Anda bersetuju bahawa mungkin terdapat keadaan apabila kami atau ahli gabungan kami bertindak dalam kapasiti sedemikian atau berada dalam kedudukan konflik sedemikian di mana kami mungkin diberi imbuhan, membuat keuntungan, menerima fi, komisen, rebat, diskaun dan/atau faedah lain. Anda bersetuju dan membenarkan bahawa kami dan/atau ahli gabungan kami mungkin terus memeterai transaksi sedemikian (tanpa rujukan lanjut kepada anda walaupun terdapat kedudukan konflik sedemikian) dan bahawa kami tidak mempunyai kewajipan untuk mendedahkan keadaan sedemikian kepada anda melainkan jika dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang dan anda bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan untuk fi, komisen, rebat, diskaun dan/atau faedah tersebut. Anda juga bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami ke atas sebarang kehilangan keuntungan atau kerosakan yang mungkin terhasil daripada konflik tersebut.

11. INDEMNITI

11.1 Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Boost tidak dipertanggungjawabkan daripada dan terhadap sebarang tuntutan yang dibawa oleh pihak ketiga akibat daripada penggunaan Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam berkenaan dengan semua kerugian, kos, tindakan, prosiding, tuntutan, kerosakan, perbelanjaan (termasuk kos dan perbelanjaan guaman yang munasabah), atau liabiliti, apa jua yang dialami, atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh Boost akibat daripada dan/atau berkaitan dengan penggunaan Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam oleh anda, dan pelanggaran anda terhadap mana-mana Terma ini atau terma dalam mana-mana Perjanjian lain.

11A. PENGECUALIAN LIABILITI DAN HAD LIABILITI

11A.1 Boost tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan langsung, khas, tidak langsung, sampingan, punitif atau berbangkit atau untuk sebarang liabiliti, kerugian, kos dan/atau perbelanjaan (sama ada langsung atau tidak langsung), atau untuk kehilangan hasil, kehilangan perniagaan, kehilangan keuntungan atau untuk sebarang kerosakan apa jua yang dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga, sama ada dalam tindakan kontrak, kecuaian atau tindakan tort lain, pelanggaran kewajipan berkanun atau sebaliknya, yang timbul daripada, atau berkaitan dengan pelaksanaan, atau penggunaan dan/atau penyalahgunaan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam yang tersedia di Platform dan khususnya, tetapi tanpa had kepada perkara di atas, Boost secara khusus mengecualikan semua liabiliti apa jua berkenaan dengan sebarang kerugian yang timbul akibat daripada:

(a) penggunaan yang anda buat ke atas Platform dan/atau Perkhidmatan (termasuk

Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam), atau pergantungan pada Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam), atau sebarang kehilangan mana-mana Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam); dan

(b) kecacatan yang mungkin wujud untuk sebarang kos, kehilangan keuntungan, atau kerugian berbangkit yang timbul daripada penggunaan anda, atau ketidakmampuan untuk menggunakan atau mengakses, atau kegagalan, penggantungan atau penarikan balik semua atau sebahagian daripada Platform dan Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) pada bila-bila masa.

11A.2 Semua syarat atau jaminan yang mungkin tersirat atau dimasukkan ke dalam Terma ini oleh undang-undang, atau sebaliknya dengan ini dikecualikan secara nyata setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

11A.3 Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan Perkhidmatan yang disediakan melalui Platform, anda boleh memilih untuk menghentikan Perkhidmatan tersebut.

11A.4 Dengan usaha terbaiknya, Boost melakukan segala usaha untuk memastikan keselamatan komunikasi anda. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan bahawa atas sebab-sebab di luar kawalan kami, terdapat risiko bahawa komunikasi anda mungkin dipintas atau diakses secara menyalahi undang-undang oleh pihak selain daripada penerima yang dimaksudkan. Sebagai contoh, komunikasi anda mungkin melalui rangkaian pihak ketiga yang mana kami tidak mempunyai kawalan. Internet bukanlah persekitaran yang selamat. Program atau bahan yang tidak diingini mungkin dimuat turun tanpa pengetahuan anda, yang mungkin memberi orang yang tidak dibenarkan akses kepada Peranti Mudah Alih anda dan maklumat yang disimpan pada Peranti Mudah Alih anda. Program-program ini mungkin melakukan tindakan yang tidak anda benarkan, mungkin tanpa pengetahuan anda.

11A.5 Anda hendaklah membela dan membayar semua kos, kerosakan, pampasan, fi (termasuk sebarang fi guaman yang munasabah) dan penghakiman yang diberikan terhadap Boost yang timbul daripada tuntutan di atas, dan hendaklah memberikan Boost notis mengenai tuntutan tersebut, kuasa penuh untuk membela, berkompromi atau menyelesaikan tuntutan tersebut, dan bantuan munasabah yang diperlukan untuk membela tuntutan tersebut, atas perbelanjaan anda sendiri.

11A.6 Anda mengakui bahawa Boost tidak dapat melaksanakan kawalan ke atas keselamatan atau perkara yang melalui rangkaian penyedia telekomunikasi, Platform atau melalui Perkhidmatan, dan Boost dengan ini mengecualikan semua liabiliti dalam apa jua bentuk untuk penghantaran atau penerimaan yang melanggar mana-mana perkara dalam apa jua bentuk.

11A.7 Platform mungkin mengandungi pautan ke laman web, halaman web dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada Boost Bank) dan anda bersetuju bahawa penggunaan setiap laman web, halaman web atau perkhidmatan oleh anda juga tertakluk kepada terma dan syarat, jika ada, yang terkandung dalam setiap laman web, atau halaman web dan perkhidmatan atau dilampirkan pada mana-mana produk atau perkhidmatan pihak ketiga ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada Boost Bank). Anda hendaklah mematuhi terma dan syarat tersebut dan menanggung rugi sepenuhnya serta memastikan Boost tidak dipertanggungjawabkan daripada dan terhadap sebarang tuntutan yang terhasil daripada pelanggaran anda terhadap mana-mana terma dan syarat tersebut.

11A.8 Boost tidak memikul sebarang tanggungjawab untuk dan tidak menyokong melainkan dinyatakan secara nyata, dicipta atau diterbitkan oleh pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada Boost Bank) yang disertakan dalam Platform dan Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) atau yang mungkin dipautkan kepada dan daripada Platform.

11A.9 Platform dan/atau Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) mungkin digunakan oleh anda untuk memaut ke aplikasi, laman web, sumber dan/atau rangkaian lain di seluruh dunia. Boost tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk perkhidmatan tersebut, dan anda bersetuju untuk mematuhi dasar penggunaan yang boleh diterima bagi laman web, sumber dan/atau rangkaian tersebut.

11A.10 Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung di sini, liabiliti maksimum Boost tidak akan melebihi jumlah yang bersamaan dengan jumlah agregat Caj Perkhidmatan yang dibayar oleh anda kepada kami pada tarikh tuntutan anda timbul.

12. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

12.1 Jika kami secara munasabah mengesyaki bahawa anda mungkin terlibat dalam mana-mana aktiviti yang disekat seperti yang ditetapkan dalam Klausa 4 di atas (Tugas dan Tanggungjawab Anda) atau mungkin melanggar mana-mana representasi, jaminan, Terma ini atau mana-mana terma dalam mana-mana Perjanjian lain, kami boleh, tanpa sebarang liabiliti kepada anda, mengambil tindakan berikut sebagaimana yang kami anggap perlu, pada bila-bila masa dan berkuat kuasa serta-merta:

(a) melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan atau menyalahi undang-undang kepada pihak berkuasa yang berkaitan, badan kawal selia dan/atau Boost Bank;
(b) membatalkan atau menolak sebarang transaksi seperti yang diarahkan/diminta oleh Boost Bank;
(c) jika terpakai, menahan/merampas/menarik balik sebarang ganjaran (termasuk dalam bentuk Bintang Boost (*Boost Stars*), pulangan tunai, wang) yang mungkin dilepaskan/telah dilepaskan kepada anda menurut sebarang misi/aktiviti/kempen yang dipacu insentif di bawah Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam di Platform kami;
(d) menyekat, menggantung secara sementara atau kekal atau menamatkan atau menutup Akaun anda atau menamatkan perjanjian ini dan/atau penyediaan Perkhidmatan (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) atau sebahagian daripadanya kepada anda; dan/atau
(e) mengambil langkah selanjutnya sebagaimana yang kami, mengikut budi bicara munasabah kami, mungkin anggap perlu, termasuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.

12.2 Kami boleh pada bila-bila masa dan tanpa liabiliti menamatkan perjanjian ini termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam di bawah Terma ini. Dalam kes sedemikian, kami akan memberikan anda notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, kami boleh menamatkan Akaun anda, Perkhidmatan kami (termasuk Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) di bawah Terma ini atau perjanjian ini dengan memberikan notis berkuat kuasa serta-merta. Tiada penamatan sedemikian akan menjejaskan sebarang arahan yang diberikan oleh anda yang diterima dengan sewajarnya oleh kami sebelum tarikh notis tersebut.

12.3 Apabila akaun Boost Bank anda yang dipautkan ke Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam, atau perjanjian ini atau hubungan antara anda dan kami di bawah Terma ini:

(a) akaun Boost Bank anda yang dipautkan ke Platform akan ditamatkan dan anda akan berhenti mendapat akses ke akaun Boost Bank anda melalui Platform dan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam; dan

(b) anda hendaklah, atas permintaan kami (bertindak secara munasabah), memulangkan, memusnahkan atau memadamkan sebarang maklumat atau dokumen yang diterima daripada kami, termasuk sebarang salinannya.

Bagi mengelakkan keraguan, penamatan di bawah Klausa 12 ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk menggunakan akaun dompet elektronik anda untuk melaksanakan Transaksi lain di bawah T&S Umum kami (selain daripada transaksi berkaitan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam).

12.4 Walau apa pun yang bertentangan, kami boleh di mana kami secara munasabah menganggapnya perlu untuk berbuat demikian bagi tujuan perundangan, kawal selia, keselamatan, operasi, pengurusan risiko atau perniagaan dan tanpa sebarang liabiliti kepada anda:

(a) menggantung Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam atau sebahagian daripadanya yang disediakan kepada anda; dan/atau

(b) menamatkan Perjanjian ini dan/atau Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam atau sebahagian daripadanya yang disediakan kepada anda, dengan memberikan notis bertulis kepada anda.

12.5 Penamatan perjanjian ini atas apa jua sebab tidak akan melepaskan anda daripada sebarang liabiliti yang, pada masa penamatan tersebut, telah pun terakru kepada kami atau yang boleh dikaitkan dengan tempoh sebelum penamatan tersebut dan tidak juga menghalang kami daripada meneruskan sebarang hak dan remedi yang mungkin dimilikinya di bawah ini atau di sisi undang-undang atau dalam ekuiti berkenaan dengan sebarang pelanggaran perjanjian ini.

13. KEADAAN MEMAKSA (*FORCE MAJEURE*)

13.1 Tanpa mengehadkan keluasan mana-mana peruntukan dalam Terma ini, Boost tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana orang dan tidak akan dianggap melanggar Terma ini atas sebab sebarang ketidaklaksanaan dan/atau kegagalan dan/atau kelewatan dalam pelaksanaan kewajipannya di sini (termasuk tetapi tidak terhad kepada ketiadaan dan/atau gangguan dalam Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam) yang disebabkan oleh Keadaan Memaksa.

13.2 Walau apa pun Klausa 13.1 di atas, anda hendaklah kekal bertanggungjawab untuk membayar semua fi dan caj yang tertunggak dan/atau genap masa dan perlu dibayar kepada Boost.

13.3 Peristiwa "Keadaan Memaksa" bermaksud sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah kami (dan yang tidak berkaitan dengan atau timbul atas sebab kemungkiran atau kecuaian kami) yang menjadikannya mustahil atau menghalang pelaksanaan Terma ini oleh kami termasuk perkhidmatan kami, termasuk, tanpa had,

tindakan Tuhan, kebakaran, letupan, bencana alam, kemalangan, peperangan, ancaman peperangan, tindakan keganasan atau ancaman keganasan, sabotaj, pemberontakan, gangguan awam atau perampasan, sekatan yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, larangan atau langkah dalam apa jua bentuk di pihak mana-mana kerajaan, parlimen atau pihak berkuasa tempatan, gangguan lalu lintas, mogok, sekat masuk (*lockouts*), atau tindakan perindustrian lain atau pertikaian perdagangan atau buruh (sama ada melibatkan pekerja e-platform atau pihak ketiga), gangguan atau terputusnya utiliti, kegagalan penghantaran sistem, kegagalan pelayan, serangan siber, kerosakan perkhidmatan internet atas apa jua sebab sekalipun, kecuali salah laku yang disengajakan di pihak kami, wabak, pandemik atau penularan penyakit berjangkit, kuarantin, sekatan pergerakan (*lockdowns*), kecemasan negara atau serantau dan keadaan lain yang tidak dapat diramalkan di luar kawalan kami yang secara material menjejaskan penyediaan Perkhidmatan Perbankan Digital Tertanam.

14. UMUM

PENYERAHAN HAK

14.1 Anda tidak boleh menyerahkan hak atau menovasikan Terma ini tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Akaun tidak boleh dicagarkan atau digunakan dalam apa jua cara oleh anda sebagai sebarang bentuk instrumen jaminan untuk apa-apa tujuan sekalipun.

14.2 Kami boleh, tanpa kebenaran anda, menyerahkan hak, memindahkan, menovasikan atau sebaliknya melaksanakan mana-mana hak dan kewajipan kami di bawah Terma ini oleh kami sendiri atau melalui syarikat kumpulan kami (termasuk sama ada atas permintaan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa dari mana-mana bidang kuasa atau sebaliknya) tertakluk kepada pemberitahuan terlebih dahulu, dan anda hendaklah menyempurnakan dokumen sedemikian sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah untuk memberi kesan kepada penyerahan hak, pemindahan, novasi atau perubahan tersebut. Kami boleh mendedahkan kepada bakal penerima pindahan atau penerima serah hak atau mana-mana orang lain yang mencadangkan untuk memeterai pengaturan kontrak dengan kami berkaitan dengan Terma ini maklumat sedemikian tentang anda sebagaimana yang kami fikirkan sesuai untuk tujuan pengaturan kontrak tersebut. Anda berjanji untuk menyempurnakan semua instrumen atau dokumen sedemikian dan melakukan semua tindakan atau perbuatan sedemikian (atas kos anda sendiri) sebagaimana yang mungkin kami kehendaki berkaitan dengan sebarang penyerahan hak, pemindahan, novasi atau perubahan yang dirujuk dalam klausa ini. Sebarang kegagalan untuk berbuat demikian tidak akan menjejaskan kesahihan penyerahan hak, pemindahan, novasi atau perubahan tersebut.

14.3 Terma ini akan terus mengikat anda walau apa pun sebarang perubahan pada nama, perlembagaan kami, atau penyatuan atau penggabungan kami ke dalam atau dengan mana-mana entiti lain (dalam hal ini Terma ini akan mengikat entiti pengganti).

MASA ADALAH PENTING

14.4 Berkenaan dengan pelaksanaan Terma ini oleh anda, masa adalah penting dalam semua aspek.

KETERUSAN SELEPAS PENAMATAN

14.5 Semua penafian, indemniti dan pengecualian dalam Terma ini akan terus berkuat kuasa selepas penamatan Terma ini.

PENGASINGAN

14.6 Di mana mana-mana peruntukan, atau pemakaian mana-mana peruntukan Terma ini adalah terbatal, menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atau dianggap terbatal, menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut hendaklah terus terpakai dengan pengubahsuaian yang perlu supaya peruntukan tersebut menjadi peruntukan yang sah di sisi undang-undang, sah dan boleh dikuatkuasakan. Sekiranya tidak mungkin untuk mengubah suai peruntukan yang berkaitan untuk menjadikan peruntukan tersebut sah di sisi undang-undang, sah dan boleh dikuatkuasakan, maka bahagian peruntukan yang terbatal, menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah diasingkan tetapi bahagian peruntukan yang selebihnya hendaklah kekal tidak terjejas.

PENGECUALIAN

14.7 (a) Tiada kegagalan atau kelewatan di pihak kami dalam melaksanakan sebarang hak atau remedi di bawah Terma ini pada bila-bila masa atau untuk sebarang tempoh masa, mahupun sebarang pengetahuan atau persetujuan oleh Boost terhadap sebarang pelanggaran mana-mana peruntukan Terma ini akan beroperasi sebagai atau dianggap sebagai pengecualian terhadapnya mahupun pengecualian oleh Boost terhadap sebarang pelanggaran akan membentuk pengecualian berterusan berkenaan dengan sebarang pelanggaran berikutnya atau yang berterusan.

(b) Sebarang pengecualian mana-mana hak atau remedi Boost di bawah Terma ini hanya akan sah dan berkesan jika ia dipersetujui oleh Boost secara bertulis.

REPRESENTASI

14.8 Anda mengakui dan bersetuju bahawa dalam memeterai Terma ini anda tidak bergantung pada, dan tidak akan mempunyai remedi berkenaan dengan, sebarang kenyataan, representasi, jaminan atau pemahaman (sama ada dibuat secara cuai atau tanpa niat jahat) oleh mana-mana orang (sama ada pihak kepada Terma ini atau tidak) selain daripada yang dinyatakan secara nyata dalam Terma ini sebagai jaminan.

15. TIADA HAK PIHAK KETIGA

15.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, seseorang yang bukan pihak kepada Terma ini tidak akan mempunyai sebarang hak di bawah mana-mana undang-undang, untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan dalam Terma ini.

UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA DAN BIDANG KUASA

15.2 Terma ini hendaklah dikawal selia oleh, dan ditafsirkan selaras dengan, undang-undang Malaysia dan anda dengan ini tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

PENGURUSAN PERTIKAIAN DAN ADUAN

15.3 Sebarang aduan mengenai cara kami mengendalikan data peribadi anda boleh dirujuk kepada pegawai perlindungan data kami yang boleh dihubungi

di support@myboost.co

15.4 (a) Sebarang aduan, pertikaian atau kontroversi yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Boost Bank yang dibangkitkan oleh anda haruslah dirujuk, secara bertulis kepada Boost Bank di support@myboostbank.co

(b) Sebarang aduan, pertikaian atau kontroversi yang berkaitan dengan Platform yang dibangkitkan oleh anda haruslah pada mulanya dirujuk, secara bertulis kepada kami melalui e-mel ke support@myboost.co. Kami akan menyiasat aduan tersebut dan melaporkan kembali kepada anda mengenai penemuan dan penyelesaian kepada aduan atau pertikaian tersebut. Jika anda masih tidak berpuas hati, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada Bank Negara Malaysia di bnmtelelink@bnm.gov.my atau menghubungi Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (*Financial Markets Ombudsman Service*) (jika terpakai).

NOTIS

15.5 (a) Semua notis, tuntutan atau komunikasi lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan di bawah Terma ini ("Notis") hendaklah dihantar seperti berikut:

(i) dalam kes Notis kepada anda, dalam aplikasi atau ke alamat e-mel yang dinyatakan oleh anda pada Aplikasi Boost anda atau disunting kemudiannya dengan memilih "Profil" (*Profile*), dan seterusnya "Tetapan Akaun" (*Account Settings*) melalui Aplikasi Boost; dan
(ii) dalam kes Notis kepada kami, melalui e-mel ke support@myboost.co
(b) Anda dianggap menerima Notis yang dihantar oleh kami pada masa yang lebih awal antara:
(i) penerimaan Notis oleh anda di Platform;
(ii) penerimaan Notis oleh anda melalui alamat e-mel anda; atau
(iii) tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar berikutan penyiaran Notis di Platform atau ke alamat e-mel anda.

(c) Kami dianggap menerima Notis yang dihantar oleh anda pada tarikh ia dihantar, melainkan ia dihantar selepas 5:00 petang pada Hari Bekerja atau pada bila-bila masa pada hari bukan Hari Bekerja di mana dalam kes tersebut ia akan dianggap telah diterima pada Hari Bekerja yang berikutnya, dengan syarat dalam semua kes bahawa ia sebenarnya diterima oleh kami dan dalam bentuk yang boleh dibaca. Bagi tujuan Terma ini, "Hari Bekerja" bermaksud hari selain daripada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum di Malaysia, apabila bank-bank di Kuala Lumpur dibuka untuk perniagaan.

(d) Anda mesti segera memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi dan butiran mudah alih anda (yang hanya akan merangkumi alamat e-mel dan nombor perhubungan anda) untuk komunikasi atau mana-mana butiran berkaitan anda yang tersedia dalam rekod kami dengan mengemas kini butiran pada Aplikasi Boost anda dengan memilih "Profil" (*Profile*), dan seterusnya "Tetapan Akaun" (*Account Settings*) atau proses lain sedemikian yang mungkin dimaklumkan kepada anda oleh kami dari semasa ke semasa, dan jika diminta hantarkan kepada kami semua dokumen sokongan yang kami perlukan. Kami akan memerlukan tempoh masa yang munasabah, tidak kurang daripada tujuh (7) Hari Bekerja dari tarikh penerimaan, untuk bertindak dan melaksanakan perubahan dalam rekod kami, selepas itu, kami boleh bergantung pada perubahan tersebut. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan jika anda tidak mengemas kini kami tentang perubahan dalam butiran yang disebutkan di atas.

BAHASA

14.14 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara Perjanjian ini dan terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain, versi bahasa Inggeris Perjanjian ini hendaklah mengatasi dan terpakai ke atas mana-mana bahasa lain.

[Tamat dokumen]